

# Kuasa baharu acara bola jaring SukIPT

**SKUAD** bola jaring Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul sebagai kuasa baharu bagi acara itu apabila mereka berjaya meraih pingat emas selepas menyalpkan dominasi Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada temasya SukIPT 2016 di Skudai, Johor semalam.

UTM selaku skuad tuan rumah meleburkan dominasi rekod tanpa kalah yang dipamerkan mereka pada temasya SukIPT edisi 2012 dan 2014 apabila tewas 19-36 kepada UPM yang dibimbing Choo Kon Lee.

Mengulas kejayaan itu, Kon Lee berkata, beliau berasa sangat gembira atas pencapaian para pemain UPM yang meraih pingat emas selepas membuat penampilan pertama dalam aksi final acara tersebut kali ini.

"Saya sangat puas. Ditambah lagi kami menang di gelanggang tuan rumah. Peluang pada peringkat awal pula hanyalah 50-50.

"Nampaknya, alternatif kita adakan sesi latihan ringkas semalam (kelmarin) ternyata berbaloi," katanya ketika ditemui selepas perlawanan.

Bekas jurulatih kebangsaan itu menambah, sesi latihan ringkas kelmarin



**PASUKAN** bola jaring UPM meraih pingat emas selepas berjaya menyalpkan dominasi UTM pada temasya SukIPT kali ini.

berjaya memantapkan persefahaman serta meningkatkan mutu kerjasama sebagai sebuah pasukan, sekali gus membuah hasil positif.

"Mereka lebih berkeyakinan semasa melakukan hantaran dan semuanya lancar seperti dirancang. Lawan kita (UTM) juga tidak mudah (ditangani) kerana turut dibarisi bekas pemain kebangsaan," jelasnya.

Setelah tewas dalam

peringkat suku akhir pada edisi lalu, kali ini UPM bangkit diperkuatkan beberapa atlet kebangsaan termasuk Norashikin Kamalzaman, Siti Nor Farhana Mustafa, Nur Syafazliyana Mohd. Ali, Izyan Syazana Mohd. Wazir serta Nurul Adha Abu Bakar.

Sementara itu, pingat gangsa pula menjadi milik skuad Universiti Teknologi Mara yang menewaskan Kolej Profesional Mara 52-7.